

Lebihan akaun semasa Malaysia RM9.1 billion

KUALA LUMPUR: Imbangan akaun semasa (CAB) Malaysia meningkat kepada RM9.1 bilion pada suku kedua 2023 (S2 2023) berbanding RM4.3 bilion suku sebelumnya, dipacu terutamanya oleh eksport bersih barang-an, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Lebihan yang lebih tinggi itu menyumbang 2.1 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK), meningkat daripada satu peratus daripada KDNK pada S1 2023, katanya.

Menurut Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, akaun barangan merekodkan eksport bersih RM29.5 bilion pada S2 2023, penurunan sebanyak 26.1 peratus suku ke suku.

“Eksport utama ialah elektrik dan elektronik (E&E), petroleum dan produk kimia, terutamanya ke Singapura, China dan Amerika Syarikat.

“Sebaliknya, import barang meningkat 1.7 peratus suku ke suku kepada RM225.4 bilion daripada RM221.6 bilion, terutamanya disumbangkan oleh modal dan barang penggunaan dengan China, Singapura dan Taiwan menjadi sumber utama import,” katanya dalam kenyataan.

Mengenai pelaburan lang-



PENINGKATAN eksport membantu negara merekodkan lebihan imbangan akaun semasa yang lebih kukuh.
- GAMBAR HIASAN

sung asing (FDI), beliau berkata, ia mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.1 bilion berbanding RM12.0 bilion pada suku pertama tahun ini.

Penerima terbesar FDI ialah sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor profesional, saintifik dan teknikal dan kewangan. Sumber utama FDI adalah dari Singapura, Tai-

wan dan Jerman.

Sementara itu, aliran keluar bersih dalam Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA) berkembang kepada RM8.0 bilion daripada RM1.1 bilion suku sebelumnya.